



DR. MAHATHIR MOHAMAD menaiki kereta elektrik NIO EP9 yang dipandu Jazeman Jaafar dalam majlis pelancaran Festival GT Asia di Litar Antarabangsa Sepang, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

UM-18/3/2019

Mereka tak tahu pasal kejuruteraan automotif - PM m/s: 2

# Tempelak pengkritik

Oleh **SOFIAN BAHAROM dan DIANA AZIS**

pengarang@utusan.com.my

■ **SEPANG 17 MAC**

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad hari ini menempelak pihak yang mengkritik hasrat kerajaan untuk memperkenalkan projek kereta nasional ketiga.

Bercakap kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis Pelancaran Festival GT Asia di sini, Perdana Menteri berkata, tujuan mewujudkan projek kereta ketiga itu adalah bagi mempelajari teknologi-teknologi baharu kejuruteraan automotif.

Menurutnya, negara China boleh mengecapi kemajuan dalam masa yang singkat kerana mereka menerima langkah untuk

menceburi industri automotif.

"Orang fikir kereta kita tidak bagus, jangan beli kereta Malaysia sebaliknya beli kereta buatan asing. Mereka kata jangan buat kereta nasional ketiga, ia tidak bagus.

"Mereka ingat mereka tahu teknologi yang terlibat di sini? Lihat enjin yang terlibat sebentar tadi. Mereka langsung tak tahu pasal kejuruteraan automotif," katanya di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) hari ini.

GT Asia adalah satu perlumbaan kesinambungan daripada Kejuaraan GT China yang memutuskan untuk memasuki peringkat saingan antarabangsa.

Buat masa ini, perlumbaan di Sepang adalah satu-satunya pusingan yang berlangsung di luar China.

Dalam majlis itu, Dr. Ma-

hathir mengambil peluang menaiki kenderaan elektrik berkuasa tinggi, NIO EP9 yang dipandu pelumba negara, Jazeman Jaafar.

Ditanya tentang pengalamannya itu, beliau berkata; "Ia sangat mengujakan. Degupan jantung saya naik sehingga 140 (denyutan per minute)."

Sementara itu, Dr. Mahathir turut memuji penyertaan kira-kira 70 kereta Proton Saga edisi awal dalam festival berkenaan yang dilihat berupaya berlumba dan mengeluarkan bunyi mirip kereta Formula Satu (F1).

"Rakyat Malaysia fikir mereka tahu semuanya. Anda lihat bagaimana China boleh maju dalam masa singkat. Ini kerana mereka menerima untuk memasuki perniagaan automotif," katanya.